

**TAHAP KESEDARAN KONTRAKTOR TERHADAP LATIHAN  
KESELAMATAN DI TAPAK BINA**

**ZAINAB BINTI SAMEWOI**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Fakulti Alam Bina

Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

## ABSTRAK

Latihan keselamatan memainkan peranan penting sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan yang berlaku dalam industri pembinaan di Malaysia. Namun begitu, tahap kesedaran kontraktor terhadap keperluan latihan keselamatan pekerja masih tidak memuaskan. Terdapat dikalangan kontraktor yang tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sepenuhnya bagi menyediakan latihan keselamatan kepada pekerja sebagaimana yang diperuntukkan didalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Oleh itu, bagi menjawab persoalan ini, kajian telah dilaksanakan terhadap pihak kontraktor Gred 7 di sekitar Johor Bahru yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk mengenal pasti tahap kesedaran kontraktor terhadap tanggungjawabnya menyediakan latihan keselamatan kepada pekerja di tapak bina dan mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kontraktor tidak menyediakan latihan keselamatan kepada pekerja. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik digunakan sebagai alat bagi memperolehi maklumat berkaitan objektif kajian dengan menyediakan pilihan jawapan tunggal (*single code*) berdasarkan skala likert. Seramai 30 responden telah memberi tindak balas dalam kajian ini. Segala data dianalisis menggunakan perisian komputer “*Statistical Package for Social Science*” (SPSS versi 16) untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Kajian mendapati bahawa tahap kesedaran kontraktor terhadap latihan keselamatan di tapak bina adalah tinggi. Manakala faktor utama kontraktor tidak menyediakan latihan keselamatan adalah disebabkan oleh kos latihan yang tinggi, anggapan kontraktor bahawa pekerja mengetahui bahaya setiap tindakan yang mereka lakukan dan tiada penglibatan pihak kerajaan serta pegawai keselamatan dan kesihatan yang tidak mencukupi. Kesedaran yang tinggi menunjukkan bahawa kontraktor telah melaksanakan tanggungjawab yang diperuntukkan kepada mereka sebagai usaha untuk mengurangkan kemalangan di tapak bina. Langkah penyelesaian perlu diambil untuk mengatasi beberapa faktor yang menyebabkan kontraktor tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menyediakan latihan keselamatan.

## **ABSTRACT**

Safety training plays an important role as it is a method to reduce the accidents that occur in the construction industry in Malaysia. However, the level of awareness of contractors about their employee's construction site safety training needs is still not satisfying. Some of them even do not fulfill their responsibilities to provide the training although it has been stated in the Occupational Safety and Health Act 1994 which says that contractors have to provide safety training for their workers. Therefore, to answer this question, a study was conducted on contractors of Grade 7 around Johor Bharu who have registered with the Construction Industry Development Board of Malaysia (CIDB) to identify the contractors' level of awareness of their responsibility in providing the training needs and identify the factors that caused the contractors not to provide safety training to their employees. This study applied quantitative approaches. Questionnaire forms are used as a tool to obtain information about objective of the study with providing a single answer choice (single code) based on the Likert scale. A total of 30 respondents gave their response in this study. All the data collected from the survey were analyzed using computer software called "Statistical Package for Social Science (SPSS version 16) to analyze the frequency, percentage, and min value. The study found that the level of awareness of contractors in providing construction site safety training to their workers is high. As for the main factors why contractors did not provide the safety training it was due to the high training costs, the assumption that the workers know the risk of all their action, no involvement from the government party and insufficient safety and health officers. The level of awareness of the contractors illustrates that they already fulfilled their responsibility according to the acts in order to reduce the construction site accidents. Resolution steps must be taken to overcome some of the factors that cause the contractors fails to execute their responsibilities in providing safety training.